

SG10

**BORANG MENGWUJUD, MEMBATAL ATAU MEMINDA BUTIR-BUTIR
PUSAT PEMBAYARAN**

PENDAHULUAN

- (a) Borang SG10 ini disediakan bagi mengujudkan, membatalkan atau meminda butir-butir pusat pembayaran di dalam Sistem Gaji Berkomputer Pejabat Perakaunan masing-masing.
- (b) Borang SG10 ini disediakan sekali sahaja apabila sesuatu Pusat Pembayar diujudkan atau dibatalkan ke dalam Sistem Gaji Berkomputer. Sekiranya pindaan dibuat kepada butir-butir Pusat Pembayar ia bolehlah dibuat dengan penyediaan Borang SG10 pada bila-bila masa.
- (c) Borang SG10 ini disediakan oleh Pusat Pembayar masing-masing.
- (d) Borang SG10 ini hendaklah disediakan oleh Pusat Pembayar di dalam 2 salinan termasuk salinan asal. Salinan asal akan dihantar ke Ibu Pejabat JANM untuk prosesan dan salinan pertama disimpan oleh Seksyen Gaji sebagai rujukan.
- (e) Borang SG10 yang berasingan hendaklah disediakan bagi pengujudan Pusat Pembayar baru, pembatalan Pusat Pembayar lama dan pindaan kepada butir-butir Pusat Pembayaran di dalam Sistem Gaji Berkomputer.
- (f) Pusat Pembayar adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua butir-butir yang diberi pada borang SG10 ini adalah betul dan tepat.

MEDAN-MEDAN UNTUK DIPENUHI OLEH PUSAT PEMBAYARAN

Nota :

- (a) Pengujudan : Bagi pengujudan Pusat Pembayar baru medan 1 sehingga medan 14 hendaklah diisi.
- (b) Pembatalan : Bagi pembatalan Pusat Pembayar medan 1 sehingga medan 8, 13 dan medan 14 hendaklah diisi.
- (c) Pindaan : Bagi pindaan kepada butir-butir Pusat Pembayar medan 1 sehingga medan 8, 13 dan medan 14 hendaklah diisi. Bagi medan 9 sehingga medan 12 hanya medan-medan yang perlu dipinda harus diisi.

1. No. Rujukan

- (a) Nombor rujukan Fail Pusat Pembayar yang menyediakan borang SG10 hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

2.Tarikh

- (a) Tarikh efektif kewujudan atau pindaan yang akan digunakan oleh Pusat Pembayaran hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

3. Jenis Urusniaga

- (a) Salah satu daripada kod-kod seperti berikut hendaklah dinyatakan di medan ini :-

<u>Perihal</u>	<u>Kod</u>
Pengujudan	B
Pembatalan	T
Pindaan	P

- (b) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar diwujudkan buat pertama kali kod ‘B’ (Pengujudan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (c) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar di batalkan kod ‘T’ (pembatalan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (d) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar dipinda kod ‘P’ (pindaan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (e) Saiz medan ini adalah satu aksara beralfabet.

4. Kod Pejabat Perakaunan

- (a) Kod Pejabat Perakaunan yang memberi perkhidmatan prosesan gaji bagi Pusat Pembayar berkenaan hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik.

5. Kod Pegawai Pengawal

- (a) Kod Pegawai Pengawal Pusat Pembayar berkenaan yang diwujud, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 2 aksara bernumerik.

6. Kod Kumpulan PTJ

- (a) Kod Kumpulan PTJ Pusat Pembayar berkenaan yang diwujud, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 2 aksara bernumerik

7. Kod Pusat Pembayar

- (a) Pusat Pembayar berkenaan yang diwujud, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (b) Bagi Pengujudan Kod Pembayar medan ini hendaklah ditinggalkan kosong. Medan ini akan diisi kemudian dengan membuat rujukan kepada JANM Ibu Pejabat melalui Pejabat Perakaunan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik

8. Nama Pusat Pembayaran

- (a) Nama Pusat Pembayar yang diwujud, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 50 aksara beralfa.

9. Kod Kumpulan PTJ Pembayar

- (a) Kod Kumpulan PTJ Pembayar yang diwujud, dibatal dan dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Kod Pusat Pembayar adalah Kod Pusat Tanggungjawab membayar yang memegang waran peruntukan bagi Pusat Pembayar berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 8 aksara bernumerik.

10. No. Rujukan Majikan KWSP

- (a) Nombor Rujukan Majikan bagi potongan KWSP kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi KWSP untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 9 aksara beralfanumerik.

11. No. Rujukan Majikan Cukai Pendapatan.

- (a) No. Rujukan Majikan bagi potongan Cukai Pendapatan kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 10 aksara beralfanumerik.

12. No. Rujukan Majikan SOCSO.

- (a) No. Rujukan Majikan bagi potongan SOCSO kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 12 aksara beralfanumerik.

13. Disahkan Oleh

Pegawai di Pusat pembayar yang bertanggungjawab hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatan serta tarikh pengesahan.

MEDAN-MEDAN UNTUK DIPENUHI OLEH PEJABAT PERAKAUNAN

14. Diluluskan Oleh.

Pegawai di Seksyen Gaji di Pejabat Perakaunan yang meluluskan Borang SG10 hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatannya serta tarikh kelulusan.

15. Dikemaskinikan Oleh

Pegawai Seksyen Komputer di Pejabat Perakaunan yang mengemaskini butir-butir Borang SG10 ini hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatannya serta tarikh pengemaskinian.